

PARA peserta Konvensyen Pemimpin Belia peringkat Kebangsaan 2012 bergambar beramai-ramai di Kuala Terengganu baru-baru ini.



# Belia dan isu keselamatan negara

kosmo 19/9/12  
MS 7  
Program KBS

**G**OLONGAN belia merupakan pelapis kepimpinan pada masa depan yang perlu diberi pendedahan tentang keselamatan negara agar dapat menjamin kesejahteraan dan memelihara perpaduan antara kaum.

Menyedari kepentingan itu, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Terengganu serta Majlis Keselamatan Negara Terengganu menganjurkan Konvensyen Pemimpin Belia peringkat Kebangsaan 2012 bertajuk *Isu dan Cabaran Dalam Keselamatan Negara*.

Ia diadakan selama tiga hari bermula dari 7 hingga 9 September lalu.

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan negeri, Rusli Yusoff berkata, konvensyen ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk pemimpin belia yang menyedari hakikat dalam memelihara keamanan dan kedaulatan negara daripada ancaman yang menggugat keselamatan.

"Ancaman keselamatan negara kini dilihat banyak menyasarkan golongan muda memandangkan mereka terdedah kepada pelbagai propaganda daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Pemikiran mereka sering disogokkan dengan pelbagai dakyah dan ideologi songsang yang boleh menghuru-harakan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan teks ucapan Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Datuk Zaidon Asmuni pada majlis penutupan konvensyen tersebut Pemimpin Belia Peringkat Kebangsaan 2012 di Kuala Terengganu baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Terengganu, Mohd. Fauzi Ariffin dan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara Terengganu, Tajul Ariffin Muhammad.

Pada konvensyen yang berlangsung selama tiga hari itu, seramai 90 pemimpin belia dari seluruh negara tidak termasuk Sabah dan Sarawak berkumpul memberi cadangan serta pendapat dalam menghasilkan resolusi memastikan keselamatan negara terus terpelihara.



PESERTA yang hadir membaca lafaz ikrar bagi menunjukkan kesetiaan kepada negara tercinta.

Antara resolusi tersebut termasuklah bersedia melahirkan kepimpinan belia yang hebat bagi menjamin masa depan negara lebih cemerlang, bersatu tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan ideologi demi menjaga keharmonian nasional serta mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara daripada segala ancaman musuh sama ada dari dalam dan luar.

Tambah Rusli, peranan pemimpin belia amat penting dalam menyampaikan maklumat kepada anak muda melalui penyampaian maklumat tepat.

Katanya, kerajaan berharap agar pemimpin belia mempunyai ideologi kreatif dan berjiwa rakyat dalam mendekati golongan muda untuk menyampaikan maklumat tepat.

Justeru, jelasnya, pendekatan yang diambil KBS itu diharap dapat memberi kesedaran kepada kepimpinan muda agar dapat menjamin keselamatan ne-



PEMBENTANGAN oleh setiap kumpulan mengupas isu-isu terkini dan kaedah menyelesaikannya.

gara sentiasa terpelihara.

Sementara itu, seorang pemimpin belia, Syed Mohd. Hafizuddin Syed Omar berkata, isu-isu berhubung keselamatan negara dapat dikupas dengan berkesan pada konvensyen tersebut.

"Dalam konvensyen kali ini, kita dapat membincangkan isu teras negara iaitu keselamatan, malah telah menzahirkan sebanyak tujuh kesimpulan resolusi dalam mengupas isu ini dalam sama-sama mempertahankan negara.

"Kita juga berharap semua wakil belia yang menghadiri konvensyen ini dapat menyampaikan resolusi yang telah disepakati ke peringkat akar umbi," ujarnya yang merupakan Pengerusi Majlis Belia Kuala Terengganu.

Timbalan Setiausaha St. John Ambulance Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kartigesan M. Veloo, 30, pula memberitahu, melalui konvensyen berkenaan, beliau menyedari kewujudan

Majlis Keselamatan Negara yang bersama-sama menjaga keamanan negara.

"Sebelum ini, saya ingat hanya Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi-agensi keselamatan lain menjaga keselamatan negara.

"Bagaimanapun, dengan adanya konvensyen ini, saya lebih mengetahui mengenai peranan Majlis Keselamatan Negara dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara tercinta," ujarnya.

Bagi Timbalan Setiausaha Majlis Belia Negeri Johor, Lau Kai Chong, beliau berasa sangat gembira dan bangga apabila dapat menghadiri konvensyen berkenaan.

"Saya bukan sahaja dapat mengenali pemimpin-pemimpin belia dari negeri lain, tetapi turut mendapat maklumat berguna tentang isu-isu keselamatan dan kedaulatan negara yang perlu dijaga," katanya.